

MAKLUMAT UNTUK PESERTA KAJIAN

Sikap-sikap Mengenai Dementia: Kajian Alzheimer Dunia 2019

Terima kasih kerana sudi mengambil bahagian dalam kajian ini yang meninjau sikap dan anggapan mengenai Penyakit Alzheimer dan jenis demensia yang lain di seluruh dunia. Lampiran maklumat ini menggariskan tujuan kajian dan memberikan gambaran mengenai penglibatan dan hak anda sebagai peserta, jika anda bersetuju untuk mengambil bahagian.

1. Apakah tujuan kajian ini?

Kami, Alzheimer's Disease International (ADI), ingin menjalankan tinjauan sikap dan anggapan yang paling besar di seluruh dunia mengenai demensia. Untuk membuat demikian ini, kami ingin mengumpulkan maklumat daripada orang-orang dengan demensia, penjaga mereka, penjagaan kesihatan profesional, dan orang awam.

Untuk mendapatkan pemahaman yang terperinci mengenai topik ini, kami akan meminta bantuan daripada beberapa kumpulan yang berbeza dari seluruh dunia untuk mengambil bahagian, ini termasuk komuniti luar bandar dan bandar. Kami kemudian akan menerbitkan sebuah laporan yang meringkaskan penemuan yang akan disediakan secara umum.

2. Adakah saya perlu mengambil bahagian?

Anda berhak membuat keputusan sama ada untuk mengambil bahagian atau tidak. Anda tidak perlu mengambil bahagian jika anda tidak mahu. Sekiranya anda membuat keputusan untuk mengambil bahagian, kami akan meminta anda untuk melengkapkan Borang persetujuan sebelum melengkapkan tinjauan.

3. Apakah penglibatan saya?

Anda akan diminta untuk melengkapkan kajian ini dengan soalan yang berkaitan dengan demensia dan Penyakit Alzheimer. Kajian ini boleh diselesaikan secara online atau menggunakan tablet yang disediakan. Kajian selidik ini akan mengambil masa lebih kurang 10 - 15 minit untuk selesai.

4. Bolehkah saya menarik diri daripada kajian ini?

Anda boleh menarik diri di mana-mana bahagian persoalan dalam kajian ini, tanpa memberi alasan. Sekiranya anda berasa tidak selesa atas sebarang persoalan semasa menjawab tinjauan ini, anda tidak perlu menjawabnya. Penarikan diri dari kajian ini tidak akan memberi sebarang kesan kepada anda.

5. Apakah gunanya maklumat yang saya akan memberikan?

Kami merancang untuk melaporkan hasil maklumat kajian ini dalam sebuah Laporan Alzheimer Dunia 2019. Anda tidak akan dikenalpasti dalam sebarang laporan / penerbitan atau komunikasi lain mengenai kajian selidik ini.

6. Adakah data saya dalam penyertaan kajian ini disimpan secara rahsia? Adakah ia akan disiarkan secara tanpa nama?

Ya. Semua maklumat yang kami kumpulkan mengenai anda akan disimpan dengan ketat dan semua data akan disiarkan secara tanpa nama bermaksud bahawa kami tidak dapat menghubungkan sebarang jawapan kajian ini dengan individu yang telah melengkapkan tinjauan tersebut. Semua fail data akan menjadikan tanpa nama dan digunakan dengan penyelidik kajian ini sahaja. Mereka akan disimpan secara digital online.

Fail digital akan diberikan kod dan disimpan secara berasingan daripada sebarang nama atau pengenalan langsung peserta lain. Sebarang salinan maklumat kajian ini akan disimpan dalam fail terkunci pada setiap masa.

7. Apakah faedah yang bermanfaat apabila saya mengambil bahagian?

Ia tidak akan mempunyai sebarang manfaat yang berkesan untuk anda, tetapi dalam masa jangka panjang, kajian ini akan memberikan maklumat penting mengenai isu stigma yang boleh digunakan untuk menyediakan program yang lebih baik untuk orang-orang dengan demensia.

8. Apakah kemungkinan keadaan kekurangan dan risiko jika mengambil bahagian dalam kajian ini?

Tidak ada sebarang yang dijangkakan. Anda akan disoal mengenai anggapan dan sikap anda, dan dengan itu mungkin ada beberapa soalan yang boleh mengganggu keselesaan anda. Anda boleh berhenti pada bila-bila masa dan boleh menolak menjawab sebarang persoalan yang mungkin akan membuat anda merasa tidak selesa.

9. Jika saya mempunyai sebarang soalan atau aduan?

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai kajian ini, sila hubungi Wendy Weidner: w.weidner@alz.co.uk

Jika anda sudi mengambil bahagian dalam kajian ini, sila lengkapkan Borang Persetujuan yang telah disediakan.